

Oleh Md Fuzi Abd Lateh

mdfuzi@bharian.com.my

BUKIT BERUNTUNG:
Timbunan sampah
bagaikan busut. Sikap
tidak bertanggungjawab
penduduk di Bandar Bukit
Sentosa membuang sampah

'Sampah bagai busut'

Berita Harian 24/06/2010
Blok perniagaan Jalan Orkid 1A tumpuan tempat pembuangan sampah

M/S 6

merata tempat ternyata mencatatkan pandangan di kawasan bandar baru ini.

Bukan sekadar memberi imej buruk, malah keadaan tidak terurus itu sudah pasti mengundang busuk selain boleh membawa penyakit jika tidak dibersihkan.

Tinjauan *Sentral* di sekitar kawasan blok perniagaan di Jalan Orkid 1A di sini mendapati terdapat beberapa kawasan bertukar menjadi tempat pembuangan sampah.

Difahamkan, kewujudan tempat longgokan sampah itu disebabkan ketiadaan tong sampah khas yang sepatutnya disediakan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Seorang peniaga, R Saravany, 23, berkata keadaan itu seolah-olah sudah menjadi pemandangan biasa di bandar itu kerana tiada pihak tampil menyelesaikannya walaupun aduan sudah dibuat.

"Kami pernah memohon supaya disediakan tong sampah khas untuk orang ramai membuang sampah, tetapi sejak enam bulan saya berniaga di sini, tidak ada tong sampah disediakan dan keadaan itu memaksa saya termasuk peniaga lain membuang sampah di tempat yang paling banyak longgokan sampah," katanya.

Saravany berkata, sebelum ini ada banyak tong sampah disediakan tetapi semuanya sudah ditarik balik tanpa diketahui sebabnya.

Beliau berkata, longgokan sampah itu kadang kala berselerak akibat diselongkar anjing liar yang banyak berkeliraran di kawasan itu.



TERDAPAT beberapa longgokan sampah sudah terbiar lama sehingga melimpah dan menutupi longkang sekitar Bandar Bukit Sentosa perlu dibersihkan segera.

Katanya, tindakan kontraktor mengutip sampah tanpa jadual tetap memburukkan lagi keadaan itu, apabila kebanyakan sampah sudah memenuhi longkang hingga menyebabkan aliran air tersumbat dan mengundang pembiakan nyamuk.

Pekerja bengkel berdekatan, Tan Chin Mah, 32, berkata dia juga terpaksa membuang sisa peralatan

terbuang di tempat longgokan sampah berkenaan disebabkan faktor sama.

"Kami tiada pilihan lain kerana jika mahu membuang sampah di tong sampah besar, jaraknya terlalu jauh," katanya.

Beliau berkata, peniaga gerai kuih, air tebu dan makanan di kawasan itu juga membuang sampah di tempat sama, menyebab-

kan sampah cepat berbau busuk.

Berikutan itu, katanya, peniaga di kawasan itu menggesa MDHS menyediakan tong sampah khas, sekali gus mencerminkan imej Bandar Baru Bukit Sentosa yang bersih.

Penjaja, Sharifah Munif, 45, berkata setiap pihak harus bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran

tinggi menjaga kebersihan kawasan bandar itu.

Katanya, tidak wajar menyalahkan MDHS saja kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial lain terhadap penduduk di Hulu Selangor.

"Semua pihak perlu sedar kepentingan menjaga kebersihan kawasan bagi menghindar diri daripada wabak penyakit," katanya.